

PM pandu Proton Saga ke pejabat

(P)
KUALA LUMPUR 2 Sept. - Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini pergi ke pejabat dengan memandu kereta Proton Saga yang diterimanya sempena pelancaran pemasaran kereta buatan Malaysia itu semalam.

Ramai kakitangan pejabatnya keluar beramai-ramai untuk menyaksikan betapa segaknya Perdana Menteri memandu kereta warna biru metalik 1.5S itu setibanya beliau di pekarangan pejabatnya tepat pada pukul 8 pagi.

Menurut sumber-sumber, Datuk Sri Dr. Mahathir ditemani oleh pegawai peribadinya (ADc), Encik Mohamad Ali dalam perjalanan dari rumahnya, Sri Perdana ke Pejabat Perdana Menteri.

UM 3 SEP 1985

Adalah difahamkan, kereta baru itu kemudian dibawa oleh pemandunya untuk dicuci dan diisi minyak.

Perdana Menteri semalam membayar \$20,075.14 kepada Edaran Otomobil Malaysia (EON) untuk membeli kereta itu sebagai hadiah kepada isterinya, Datuk Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah.

Sementara itu sumber-sumber Perbadanan Industri Berat (HICOM) berkata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam akan menerima kereta yang ditempahnya, Proton Saga 1.5S juga berwarna biru metalik daripada EON esok.

Beliau akan menerima kunci kereta itu daripada Pengerusi Edaran Otomobil Malaysia, Tan Sri Jamil dalam satu upacara di pejabatnya pada 2.30 petang.

Tidak ketinggalan

Sebaik sahaja upacara penerimaan selesai, beliau akan memandu uji kereta baru itu sebelum dihadiahkan kepada anaknya.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Encik Anwar Ibrahim juga tidak ketinggalan untuk memiliki kereta Proton Saga. Beliau telahpun membuat pesanan membeli model 1.5S kereta nasional itu.

Bercakap kepada para pemberita di sini hari ini, Encik Anwar berkata beliau kini sedang menunggu kereta itu diserahkan kepadanya oleh Edaran Otomobil Nasional (EON).

Mengenai warna pilihannya, Menteri Pertanian itu berkata, "saya tidak kisah sangat mengenai warna, apa-apa warna pun boleh".

Begitu juga mengenai nombor plat, katanya, beliau tidak memberi perhatian berat terhadap nombor plat keretanya.

Encik Anwar adalah antara orang-orang kenamaan yang membuat pesanan untuk membeli kereta Proton Saga yang dilancarkan penjualannya oleh Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad semalam.

Di Kuching, Ketua Menteri, Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud hari ini memandu Proton Saganya bernombor 'Proton 936' ke pejabatnya.

Sebelum itu, Proton Saga 1.5S berwarna merah beliau itu telah dihantar oleh pengurus cawangan Edaran Otomobil (EON) Sarawak, Encik Steven Bong di kediamannya di sini.

Pada kira-kira pukul 9.30 pagi, Datuk Patinggi Taib telah membawa isterinya, Datin Patinggi Laila dan adik perempuannya, Hanifa serta Encik Bong selama 10 minit dengan Proton Saga itu ke pejabatnya di Petra Jaya.

Beliau merupakan orang pertama memiliki kereta itu di negeri ini.

Setakat ini, kira-kira 100 tempahan untuk membeli Proton Saga telah dibuat di negeri ini.